



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami PKPMP.PKP.600-1/4/4

Tarikh : 7 Ogos 2018

Pengarah Mahkamah Negeri

Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

ARAHAN AMALAN BIL. 2 TAHUN 2018

PEMFAILAN SURAT KUASA WAKIL SECARA ELEKTRONIK DAN KOD PENDAFTARAN KHAS DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. YAA Ketua Hakim Negara setelah berunding dengan YAA Hakim Besar Malaya dan selaras dengan pelaksanaan Sistem e-Kehakiman Fasa 2 (Sistem eKF2) di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dan Pemberitahuan Penetapan Akta Surat Kuasa Wakil 1949 [Akta 424] di bawah Seksyen 6 Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 [Akta 680] (Pemberitahuan Undang-Undang No. 6474), mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi memperluaskan pemakaian Sistem eKF2 kepada pemfailan Surat Kuasa Wakil secara elektronik.

3. Semua pemfailan Surat Kuasa Wakil di Mahkamah Tinggi Malaya di seluruh Semenanjung Malaysia hendaklah melalui Sistem e-Filing.

PEMAKAIAN

4. Arahan ini hendaklah terpakai di Mahkamah Tinggi Malaya di seluruh Semenanjung Malaysia.

5. Arahan ini tidak terpakai kepada pemfailan Surat Kuasa Wakil yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Arahan ini.

...2/-

PENGELASAN KOD PENDAFTARAN KHAS DAN BUKU KAUSA KHAS

6. Pendaftaran bagi pemfailan Surat Kuasa Wakil hendaklah menggunakan kod pendaftaran khas yang berikut:

No. Kod	Perihal
SKW	Surat Kuasa Wakil (Boleh Batal)
SKW (IR)	Surat Kuasa Wakil (Tidak Boleh Batal)

7. Bagi tujuan pemfailan dan pembatalan Surat Kuasa Wakil, suatu Buku Kausa Khas elektronik hendaklah disediakan dan diselenggarakan dengan lengkap.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

8. Arahan ini mula berkuat kuasa pada **15 Ogos 2018**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Salinan Kepada:

EDARAN DALAMAN:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
KUCHING, SARAWAK

Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
KUCHING, SARAWAK

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak

Mahkamah Tinggi Kuching
KUCHING, SARAWAK

Pengarah-Pengarah Bahagian

Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pustakawan

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

EDARAN LUARAN:

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Guaman
Jabatan Peguam Negara Malaysia
PUTRAJAYA

Presiden
Majlis Peguam Malaysia
KUALA LUMPUR

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
SABAH

Pengerusi
Persatuan Peguambela Sarawak
SARAWAK

Pustakawan
Jabatan Peguam Negara Malaysia
PUTRAJAYA